

02/05/2003

Dr Mahathir hadir mesyuarat CPTM

Zaharah Othman

LONDON: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam menghadiri mesyuarat dengan anggota Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) bertujuan mengumpul dana dan melabur serta membeli bangunan bagi kegunaan bersama negara anggota.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu antara lain menetapkan matlamat untuk mengumpul 11 juta pound (RM67.1 juta) menerusi Tabung Projek Pembiayaan CPTM yang dijangka dilancarkan pada Perjumpaan Global 2003 di Swaziland yang dijadualkan Ogos depan.

"Setakat ini kita baru dapat mengumpul 7.5 juta pound (RM45.7 juta) memandangkan iklim pelaburan masa kini tidak begitu baik dan kita mungkin tidak dapat 50 ribu pound (RM305,000) sebulan seperti yang diharapkan dari setiap negara anggota," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri mesyuarat dua jam itu di Ibu Pejabat CPTM di sini, semalam.

Turut hadir Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Datuk Salim Hashim.

Dr Mahathir berkata, sumbangan 200,000 pound (RM1.22 juta) turut diikrarkan oleh negara anggota seperti Swaziland dan Uganda pada mesyuarat itu.

Difahamkan, tabung itu juga akan digunakan bagi mendapatkan bangunan tetap untuk digunakan sebagai tempat mesyuarat CPTM.

Perdana Menteri tiba di London malam kelmarin selepas bercuti seminggu di Greece dan Perancis.

Beliau berada di London bagi menghadiri sesi 'think tank' dengan ketua negara dan kerajaan, fellow CPTM dan rakan kongsi pintar, termasuk Raja Mswati III dari Swaziland serta bekas Presiden Bostwana, Sir Ketumile Marise.

Selain Dr Mahathir, Malaysia turut diwakili oleh bekas Penasihat Sains PM, Tan Sri Dr Omar Rahman; Pengerusi Gas Malaysia, Tan Sri Ahmad Tajuddin Ali dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Awang Adek Husin.

Dr Mahathir yang bertindak sebagai penggalak tabung itu, turut dibantu oleh Ketua Eksekutif CPTM, Datuk Dr Mihaela Y Smith.